

<input checked="" type="checkbox"/> Sinar Harian
<input type="checkbox"/> Sinar Ahad
Tarikh: 9/1/12
Hari: ISN M/S: 14
Ruangan: RUMAH BUN

Mahasiswa tidak disekat

MUKADIMAH

Kebebasan akademik di-terjemahkan sebagai kebebasan yang diberikan kepada semua warga universiti termasuk mahasiswa. Mereka bebas memberi pendapat berhubung sesuatu isu termasuk melibatkan kepimpinan negara melalui saluran yang betul.

Namun, kebelakangan ini isu mengenai kebebasan akade-

mik semakin panas disebabkan terdapat beberapa pihak yang menuntut dan mendakwa laranya masih tidak dipraktikkan sepenuhnya di negara ini.

Ditambah, isu ini dilihat seolah-olah dieksploitasi parti politik yang turut mengambil kesempatan terhadap mahasiswa. Ibtisam kupasan wartawan **HASLINA KAMALLIDIN** mengenai sejauh mana kebebasan akademik di negara ini.

hanya kepada kaum lain, malah pihak universiti serta masyarakat.

"Berikutan itu, kemahiran komunikasi penting untuk mahasiswa memberi sebarang pendapat.

"Tidak ada undang-undang mutlak di negara ini kerana di sini masyarakat berbilang kaum dan bangsa. Jika terlalu bebas bersuara, boleh menimbulkan masalah lain," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi Universiti Teknologi Mara (UTM), Profesor Ramlah Adam menyeng-

keh melangkaui batas diberikan.

"Sejak dahulu mahasiswa boleh menyuarakan pendapat. Cuma lobelakangan ini, ruang mereka bersuara seolah-olah melebihi had. Sebagai ahli akademik, perkara ini perlu dibendung kerana mahasiswa perlu meluaskan tanggungjawab sebagai pelajar.

"Hanya segelintir mahasiswa menunjukkan keadukan hati sedangkan ramai lagi yang selesa. Jangan cuba mengugat keamiran dibina," katanya.

Pandangan sama turut diutarakan Nisb Gasefor Universiti Malaysia Kelantan, Profesor Dr Raduan Che Rose yang berpendapat warga akademik sebenarnya tidak disekat dan bebas menyuarakan pandangan serta pendapat, namun harus di dalam kerangka akademik.

"Warga akademik tidak pernah dikongkong. Kami boleh menulis dengan syarat perlu rasional dan rasional memberi hujah buktinya menjadi tidak rasional setelah terpengaruh kepada satu-satu ideologi," katanya.

SHAH ALAM - Kebebasan akademik di universiti yang digunakan sejak dahulu tidak pernah menyekat mahasiswa untuk menyuarakan pendapat. Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Profesor Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, kebebasan itu sudah lama wujud cuma ia menjadi isu panas akhir-akhir ini.

"Pihak universiti sudah menyediakan ruang secukupnya kepada mahasiswa. Kebebasan akademik ini perlu diguna sebaiknya demi menjaga hak dan kepentingan pihak lain.

"Namun, tidak semua penda-

pat boleh diisukan secara terus, ia perlu menjaga beberapa perkara yang mana melibatkan pihak lain sebagai contoh sensitiviti masyarakat berbilang kaum di negara ini serta kepentingan pihak lain.

"Jadi, mahasiswa yang mahu bersuara, tidak halangan untuk mereka, cuma perlu ada etika dalam berbicara supaya tidak menyinggung mana-mana pihak," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, sikap keterlanjutan dalam berbicara boleh memberikan impak kurang baik bukan



DR RADUAN



MOHAMED MUSTAFA

kal didawakan mengenai mahasiswa tidak diberi kebebasan akademik.

Menurutnya, mahasiswa hari ini mempunyai hak untuk memberikan pendapat, tetapi tidak bo-